

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RMT 557 - Pengurusan Projek VI

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Dalam keadaan ekonomi semasa negara, industri binaanlah yang pertama dan yang paling teruk menerima kesan buruk daripada kegawatan ekonomi negara dan serantau. Banyak projek nasional dan antarabangsa yang boleh dianggap 'mega' terpaksa ditangguhkan buat sementara dan banyak lagi projek binaan yang kecil maupun yang besar di seluruh negara turut juga menerima kesan buruk ini. Untuk beberapa tahun yang akan datang, senario aktiviti industri binaan nampaknya akan menjadi sepi. Maka banyaklah firma-firma binaan akan menghadapi keadaan membimbangkan dan banyak akan gulung tikar jika mereka tidak mempunyai strategi yang berkesan.

Jika anda seorang pengurus sebuah firma binaan yang sederhana besar, apakah tindakan yang perlu anda ambil untuk menghadapi keadaan begini dan bagaimana?

(25 markah)

2. Pengawasan dan pengawalan pembinaan akan menjadi sulit bila perancangan pembinaan di peringkat tender dan pra-pembinaan tidak dijalankan secara sistematik.

Bincangkan.

(25 markah)

3. Pekerja binaan didedahkan kepada risiko kemalangan dan bahaya di tempat kerja. Kenalpasti sumber-sumber kemalangan tersebut dan bincangkan bagaimana risiko ini dapat dikurangkan ke tahap minimum.

4. Dalam keadaan tapak bina yang sempit dan tidak mempunyai ruang untuk bekerja di luar disebabkan oleh keadaan dalam bandar yang sesak, beri cadangan dengan cara yang jimat dan cekap, untuk mengatasi masalah-masalah berikut:

- (a) penerimaan bahan-bahan binaan
- (b) simpanan bahan-bahan binaan

(25 markah)

5. Terangkan bagaimana aliran tunai untuk kontraktor berbeza daripada pemaju dan kaitkan perbincangan anda dengan keperluan peningkatan kewangan. Bincangkan sumber-sumber keperluan kewangan tersebut.

(25 markah)

6. Tanggungjawab pengurusan tapak ialah menyerahkan bangunan yang telah siap mengikut spesifikasi, dalam peruntukan dan dalam masa yang dibenarkan. Nilai input-input yang dikehendaki dan keperluan-keperluan proses untuk memenuhi tanggungjawab ini.

(25 markah)

-ooo00ooo-